



**Jabatan Bendahari**

**Rujukan Tuan :**

**Rujukan Kami :** UPSI/BEN/B/527/2020 (04)

**Tarikh :** 01 FEBRUARI 2021  
19 J' AKHIR 1442

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL.1/2021 – DASAR PENUBUHAN JAWATANKUASA PENJANAAN DAN KELESTARIAN KEWANGAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke 125 Bil.5/2019 bertarikh 27 September 2019 telah bersetuju meluluskan Dasar Penubuhan Jawatankuasa Penjanaan Dan Kelestarian Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan, tujuan dasar ini diwujudkan adalah untuk menerangkan :
  - 3.1 Sebagai garis panduan dalam pengurusan aktiviti penjanaan di UPSI bagi memastikan pelaksanaannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Oleh itu dasar penjanaan ini mengandungi rujukan terhadap fungsi dan peranan, tadbir urus, kuasa dan had aman pelaburan, pematuhan kepada peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa, pelaporan penjanaan pendapatan, peranan entiti di UPSI dalam hal penjanaan pendapatan, skop penjanaan pendapatan dan perkara-perkara lain yang berkaitan.
  - 3.2 Memperkuuhkan aktiviti-aktiviti penjanaan dan kelestarian kewangan semasa melalui garis panduan yang jelas dan proses pelaksanaan yang cekap.
  - 3.3 Menjadi pemangkin dalam menjana idea baru dalam usaha meningkatkan sumber dalaman UPSI.

- 3.4 Menyokong usaha melestarikan kewangan Universiti bagi menempuh cabaran pada masa akan datang.
  - 3.5 Memperkasa aktiviti-aktiviti yang dapat menjana pendapatan sedia ada dan tidak terhad kepada aktiviti penyelidikan, pengkomersilan atau perundingan atau aktiviti yang dilaksanakan Anak Syarikat Universiti.
  - 3.6 Dasar ini juga memberi panduan kepada PTj dan juga semua warga UPSI mengenai tatacara penjanaan pendapatan.
4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Dasar Penubuhan Jawatankuasa Penjanaan Dan Kelestarian Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris seperti di **Lampiran 1** untuk rujukan dan tindakan.
5. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh kelulusan Mesyuarat LPU tersebut.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN. HJ. MOHAMED C.A. (M), ASEAN CPA)**  
Bendahari  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k YBhg. Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

